A Singapore Government Agency Website. Beware of government impersonation scams. How to identify

nlb NewspaperSG

NEWSPAPER CATALOGUE PUBLICATION DATES
SEARCH TERM VISUALISER SAVED CITATIONS

Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.





# Ranchangan memelihara lembu dan kerbau

Berita Harian, 18 July 1962, Page 9

Share

Save Citation

« Previous Article Next Article »

# Ranchangan memelihara lembu dan kerbau

**KAJANG**

SA-RAMAI 130 orang pendudok2 kampong di-seluroh daerah Ulu Langat dan Kajang akan menerima kerbau dan lembu pawah di-bawah ranchangan pawah kerajaan pada bulan August yang akan datang ini.

Pegawai Daerah Kajang Tuan G.H. Thomas menyatakan bahawa sa-banyak 126 ekor kerbau akan dipawahkan kapada pendudok di-seluroh daerah ini menurut ranchangan pawah kerajaan tahun 1962.

Tiap2 sa-orang petani akan menerima sa-orang sa-ekor keran atau pun

lembu.

Kerbau2 ini akan di-pawahkan sa-banyak 15 ekor kapada pendudok2 kampong Ulu Langat 15 ekor kapada pendudok2 kampong Kuala Lui, 30 ekor kapada pendudo2 kampong Sungai Merab, 34 ekor kapada pendudok2 Kampong Jenderam Hilir, 12 ekor kapada pendudok kampong Teras Jernang, dan 30 ekor kapada pendudok kampong Dingkil.

Tuan Thomas juga telah menasehatkan pendudok2 kampong yang menerima kerbau pawah kerajaan supaya menjaga kerbau dan lembu itu dengan sempurna dan jangan di-biarkan merayau2 ka-dalam estet2. Kata-nya, banyak kerbau dan lembu di-daerah ini telah mati termakan rachun lalang yang telah di-taborkan di-ladang2 getah untok membunoh rumput."

## MELAKA

PENDUDOK2 Kampong Serkam Darat kira2 11 batu dari Melaka telah bergotong royong membena sa-batang jalan sa-panjang 20 rantai sejak awal July ini.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, Inche Abdul Ghafar Baba, Pegawai Daerah Jasin Inche Ahmad Sabki bin Jahidin dan beberapa orang ahli majlis meshuarat turut hadhir dalam kerja gotong royong itu.

NLB

Contact Us Feedback FAQ

Report Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31